

Soalan No: 90

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 26.7.2017

SOALAN :

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:-

- (a) memandangkan Kerajaan negeri Sarawak, Pulau Pinang dan Selangor telah mengiktiraf sijil peperiksaan UEC yang bermula pada tahun 1975 dan bilakah Kerajaan Persekutuan akan mengiktiraf sijil peperiksaan UEC ini; dan
- (b) apakah sebab sebenar Kerajaan Persekutuan gagal mengiktiraf sijil peperiksaan UEC yang telah memperolehi pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) telah dijawab berulang kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam dewan yang mulia ini. UEC masih kekal *status quonya* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].